

26 AUG 2001

Mahathir-ekuestrian

DR MAHATHIR RASMI PUSAT HARNESS DRIVING STC

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat Harness Driving di sini -- yang pertama seumpamanya di negara ini -- yang terletak di Pusat Ekuestrian dan Sukan Kelab Lumba Kuda Selangor di sini.

Harness driving merujuk kepada kegiatan menaiki kuda yang dipasang dengan abah-abah.

Dr Mahathir yang juga penaung Majlis Ekuine Malaysia turut menyertai pusingan akhir perlumbaan Harness Driving dengan berjaya mendapat tempat kelima.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata kegiatan menunggang kuda atau harness driving perlu digalakkan di kalangan keluarga sebagai satu aktiviti rekreasi.

"Saya harap sukan ini akan berkembang dan orang ramai sedar bahawa menunggang kuda mempunyai aspek kesihatan," katanya.

Dr Mahathir berkata menunggang kuda semakin popular sebagai satu acara sukan dan berharap harness driving akan membantu dalam kemajuan sukan ekuestrian.

"Dahulu ia (berkuda) dikaitkan dengan lumba kuda dan perjudian yang merupakan satu aspek yang tidak digemari dalam sukan ekuestrian di Malaysia. Ia berkembang secara berperingkat dan hari ini, kita dapat lihat wujudnya banyak kelab dan pertandingan, dengan semakin banyak orang meminatinya," kata Dr Mahathir.

Dalam ucapannya pula, Pengerusi Pusat Ekuestrian dan Sukan STC Datuk Seri Tunku Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin berkata Dr Mahathir sendiri telah mencetuskan idea supaya harness driving diperkenalkan di Malaysia kerana ia boleh menjadi sukan berbentuk rekreasi.

STC berkata dalam satu kenyataan bahawa harness driving kini merupakan acara yang amat popular di seluruh dunia.

Pada majlis itu, Pusat Ekuestrian dan Sukan STC menyumbang RM50,000 kepada Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti). Cek diterima oleh Presiden Bakti Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

-- BERNAMA
ZAI KHY MAI